

# USAHA MENTRANSFORMASI INDUSTRI PERKAYUAN SARAWAK

**PUSAKA menandatangani Memorandum Persefahaman Kerusi PUSAKA bersama  
Universiti Malaysia Sarawak**

// Oleh Rusnan Mustafa //

MySarawak



**KERJASAMA:** Sarudu (tiga kanan) dan Kadim bertukar dokumen MoU Kerusi PUSAKA sambil disaksi Awang Tengah (empat kanan), Julaihi (dua kanan) dan tetamu kehormat lain.

**KOTA SAMARAHAN:** Demi mentransformasikan industri perkayuan khususnya dalam pembuatan perabot di negeri ini, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Kerusi PUSAKA bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Majlis menandatangani MoU itu semalam disaksikan Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Pelaburan dan Promosi) Datuk Julaihi Narawi dan Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Datu Dr Hatta Solhi.

MoU itu ditandatangani Pengurus Besar PUSAKA Datu Sarudu Hoklai, Timbalan Pengurus Besar PUSAKA Hashim Bojet mewakili PUSAKA manakala UNIMAS diwakili Naib Canselornya Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Profesor Dr Kopli Bujang.

“MoU ini diadakan selaras dengan usaha kerajaan untuk mentransformasikan industri perkayuan di Sarawak yang mana pada masa ini hanya bergantung kepada eksport kayu dan produk kayu se-perti balak, papan lapis, kayu bergergaji dan produk lain.

“Dalam usaha ini, kerja-sama PUSAKA dengan UNIMAS boleh menjadi faktor yang dapat menyumbang kepada pendapatan tinggi industri untuk pasaran eks-port,” kata Awang Tengah pada majlis tersebut di Rumah Universiti, UNIMAS di sini, semalam.

Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan itu menambah, kerjasama tersebut akan membolehkan PUSAKA dan UNIMAS membangunkan reka bentuk perabot yang berdaya saing untuk dipasarkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

“Melalui dana penyelidikan ini (Kerusi PUSAKA) maka PUSAKA dapat menggunakan kapasiti intelektual UNIMAS untuk menggiatkan kepelbagaian penghasilan reka bentuk perabot yang dapat dikomersilkan di pasaran tempatan dan antarabangsa,” jelasnya.

Malah, beliau memberitahu bahawa kerjasama itu juga dapat melahirkan lebih ramai pereka muda dalam kala-ngan pelajar universiti untuk menghasilkan reka bentuk perabot yang berpotensi tinggi demi meningkatkan lagi nilai eksport perabot di negeri ini.

“Kita berharap kerjasama ini akan menghasilkan jenama-jenama tempatan dari Sarawak yang boleh dibawa ke pasaran antarabangsa.

“Pada masa ini nilai eksport kayu dan barangan kayu berjumlah RM7.2 bilion setahun dan daripada jumlah tersebut hanya RM20 juta nilai eks-port perabot dari Sarawak,” katanya.

Sementara itu, Kadim dalam ucapannya berkata, melalui kerjasama tersebut, UNIMAS dapat menyumbang kepakaran dan penyelidikan dalam aspek reka bentuk perabot berasaskan kayu.

“Kami sentiasa berusaha menjadi rakan ilmu yang penting dalam pelbagai industri di Sarawak dan adalah menjadi harapan agar permuafakatan kerjasama se-perti ini akan berpanjangan dan berupaya menghasilkan impak tinggi kepada industri perabot tempatan,” ujarnya.